

# Udang galah Sungai Kahang jadi 'buruan'

• UM 14/02/24 M/S 32



SEORANG pemancing menunjukkan hasil diperoleh selepas sehari memancing udang galah di Sungai Kahang, Kluang, Johor.

**KLUANG:** Pemancing udang galah bagaikan berpesta di Sungai Kahang apabila setiap seorang membawa pulangan tangkapan lumayan sejak seminggu lalu.

Apa tidaknya, walaupun dianggap baru belajar memancing, namun mereka masih tetap membawa pulang sekurang-kurangnya tiga kilogram udang galah bersaiz A hanya dalam tempoh beberapa jam.

Pemilik Jeti Lubuk Pungkur, Osman Manap, 55, berkata, sebaik sahaja air sungai mulai surut pada 4 Februari lalu, setiap hari kira-kira 20 pemancing akan mencuba nasib dan masing-masing membawa pulang tangkapan lumayan.

Keadaan itu membuatkan bot yang disediakan untuk pemancing tidak mencukupi, termasuk di beberapa pengkalan lain seperti di Kolin, Jarut, Tanah Abang dan Loji.

"Jika dikira secara keseluruhan lima jeti di Sungai Kahang, pemancing yang datang setiap hari tidak kurang dari 100 orang.

"Jumlah ini akan bertambah apabila cuti hujung minggu kerana pemancing akan turun selama dua hari bagi membolehkan mereka membawa hasil sekurang-kurangnya 10 kilogram," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Dalam pada itu, seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai Daus, 35, berkata, peluang cuti sempena sambutan Tahun Baharu Cina digunakan sepenuhnya untuk memancing selepas melihat hasil yang lumayan diperoleh pemancing lain.

Walaupun jarang turun memancing akibat kekangan tugas, namun ia tetap tidak menghampakan, malah mampu membawa pulangan hasil yang berbaloi.